

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

<p>Anda diingatkan untuk membaca helaian pendedahan produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk memilih Surat Kredit. Sila pastikan anda juga membaca terma dan syarat muktamad di dalam Surat Tawaran (“LO”) dan Perjanjian Kemudahan. Anda dengan ini diingatkan supaya sentiasa mencari dan mendapatkan nasihat undang-undang bebas anda sendiri. Sila dapatkan penjelasan daripada wakil sah AmBank (M) Berhad (“Bank”) sekiranya anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau terma umum yang dinyatakan di sini.</p>	<p>AmBank (M) Berhad</p> <p>Surat Kredit</p> <p>Tarikh: 30 November 2023</p>
<p>1. Apakah yang perlu saya ketahui tentang produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Kredit Berdokument/Surat Kredit (“LC”) ialah aku janji bertulis oleh Bank Pengeluar kepada Pembekal/Penjual (“Benefisiari”) atas permintaan Pembeli (“Pemohon”) (iaitu Pelanggan kepada Bank) untuk membayar apabila tampak atau pada tarikh akan datang yang boleh ditentukan (usans) sehingga jumlah amaun yang dinyatakan selepas pengemukaan dokumen yang ditetapkan yang mematuhi terma dan syarat LC. • Bank boleh mengeluarkan LC atas permintaan dan bagi pihak Pelanggan untuk memudahkan pembelian dan penyelesaian transaksi perdagangan domestik dan rentas sempadan. 	
<p>2. Apakah yang saya perolehi daripada produk ini?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Tertakluk kepada terma kemudahan LC mengikut setiap LO yang dikeluarkan oleh Bank kepada anda, anda akan menerima pengeluaran LC yang: - <ol style="list-style-type: none"> a. tidak boleh dibatalkan tertakluk pada had kemudahan LC; b. didenominasi dalam Ringgit Malaysia (“RM”) atau mata wang asing (“FCY”) yang diterima oleh Bank; c. tertakluk pada Komisen Pembukaan yang dikira berdasarkan sebulan atau sebahagian daripadanya; d. berasaskan bayaran tampak atau tertunda; dan e. membiayai pembelian/pengimportan bahan mentah/stok tempatan dan barangan lain yang berkaitan dengan jenis perniagaan anda. • Pembayaran bil tampak di bawah LC atau penerimaan bil usans di bawah LC kepada Penjual hanya dibuat selepas penerimaan dokumen pematuhan yang dikemukakan. • Boleh mengatur untuk membayar Penjual melalui pembiayaan di bawah Penerimaan Jurubank, Resit Amanah, Pembiayaan Invois atau Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing, tertakluk pada ketersediaan pembiayaan dan had tersebut kepada anda. 	
<p>3. Apakah peranan dan tanggungjawab saya?</p> <ul style="list-style-type: none"> • Memastikan permohonan LC adalah mengikut aturan dengan Penjual dan terma dan syarat dalam LC tidak termasuk butiran yang berlebihan. • Memastikan Penjual adalah sah dan transaksi pada dasarnya adalah berkaitan dengan jenis perniagaan anda. • Memastikan dana akaun anda mencukupi dan memberi kebenaran kepada Bank untuk mendebit akaun anda di Bank bagi sebarang caj, komisen, yuran dan/atau belanja tunai langsung Bank berhubung dengan pengeluaran LC, termasuklah pembayaran LC selepas dokumen LC dikemukakan. • Memastikan untuk membeli perlindungan insurans kargo sebelum pengeluaran LC jika perkara itu merupakan kewajipan anda. • Membayar LC tampak dengan segera atau terima dan bayar LC usans pada tarikh matang selepas pengemukaan dokumen pematuhan dalam masa 3 hari perbankan dari tarikh notis yang dikeluarkan oleh Bank. 	

- Jika dokumen LC tidak mematuhi terma LC, maklumkan kepada Bank dengan serta-merta sama ada anda mahu menerima atau menolak percanggahan itu dalam masa 3 hari perbankan dari tarikh notis percanggahan dikeluarkan oleh Bank.
- Memohon kemudahan LC dan memastikan kemudahan tersebut adalah tersedia dan mencukupi untuk penggunaan.

4. Apakah harga, yuran dan caj yang dikenakan?

No.	Harga	Kadar
1	Komisen Pembukaan	Mengikut LO.
2	Komisen untuk pindaan pada LC yang melibatkan lanjutan tarikh luput/ peningkatan amaun	Kadar Komisen Pembukaan mengikut LO bagi setiap bulan atau sebahagian daripadanya bagi tempoh yang dilanjutkan/nilai tambahan tertakluk pada jumlah minimum sebanyak RM50 bagi setiap pindaan. <i>Nota:</i> <i>Bagi pindaan yang melibatkan nilai tambahan, komisen yang akan dikenakan untuk pindaan tersebut ialah perbezaan antara Komisen Pembukaan yang dikira berdasarkan amaun yang dipinda dari tarikh pengeluaran asal hingga tarikh luput LC (termasuk apa-apa lanjutan yang diberikan) tolak Komisen Pembukaan yang dikutip.</i>
3	Bil Import di bawah LC (Pengemukaan dokumen)	
	(a) Komisen Penerimaan atas Kredit Usans	Kadar Komisen Pembukaan mengikut LO bagi setiap bulan atau sebahagian daripadanya tertakluk pada minimum sebanyak RM50.
	(b) Komisen untuk pengeluaran atas LC yang tamat tempoh (hanya selepas Pelanggan menerima percanggahan dan dengan kelulusan Bank)	Kadar Komisen Pembukaan mengikut LO bagi setiap bulan atau sebahagiannya dari tarikh luput LC hingga tarikh pengeluaran LC tertakluk pada minimum sebanyak RM100.
	(c) Komisen untuk pengeluaran atas lebih amaun LC (hanya selepas Pelanggan menerima percanggahan dan dengan kelulusan Bank)	Kadar Komisen Pembukaan mengikut LO bagi setiap bulan atau sebahagiannya dari tarikh pengeluaran LC hingga tarikh pengeluaran tertakluk pada minimum sebanyak RM100.

No.	Yuran dan Caj	Tarif
1	Pindaan LC selain lanjutan tarikh luput / peningkatan amaun	RM50 sahaja untuk setiap pindaan.
2	Pengemukaan langsung dokumen daripada benefisiari	0.1% daripada nilai invois Minimum: RM50 Maksimum: RM100 (Bil FCY), RM300 (Bil RM) Yuran pemeriksaan: RM30 <i>Nota:</i> <i>Caj di atas akan dikenakan kepada benesiari atau pemohon LC seperti yang berkenaan dalam terma LC.</i>

3	Pembatalan LC/ LC yang tidak digunakan - Yuran pengendalian	RM50 untuk setiap LC.
4	Caj untuk menggantikan pertukaran bil mata wang asing yang dibayar dalam mata wang asing	0.1% daripada nilai invois. Min: RM50 Maksimum: RM300
5	Caj SWIFT	
	(a) Pengeluaran LC	Dalam Malaysia: RM40. Di Luar Malaysia: RM100.
	(b) Pindaan LC	Dalam Malaysia: RM20. Di Luar Malaysia: RM50.
	(c) Untuk akaun Pelanggan	Dalam Malaysia: RM20. Di Luar Malaysia: RM40.
	(d) Untuk akaun pihak niaga asing	Caj setara dengan USD20.
6	Bayaran pemindahan (IBG/RENTAS)	RM2 sahaja.
7	Bayaran Pos	Dalam Malaysia: RM5. Di Luar Malaysia: RM20.
8	Perkhidmatan kurier	Dalam Malaysia: RM15. Di Luar Malaysia: Tertakluk pada destinasi.
9	Caj Tertunggak	RM50 untuk setiap transaksi.

Harga, yuran atau caj yang dinyatakan adalah tidak termasuk mana-mana cukai kerajaan yang mungkin dikenakan oleh Kerajaan Malaysia pada masa sekarang mahupun pada masa akan datang. Sekiranya kerajaan mengenakan apa-apa cukai ke atas yuran atau caj disebabkan oleh pindaan undang-undang atau apa-apa faktor yang lain, Bank berhak mengubah atau menyemak semula jumlah wang yang perlu dibayar.

5. Bagaimanakah jika saya gagal melaksanakan kewajipan saya?

- Berhubung dengan dokumen pematuhan yang dikemukakan di bawah LC yang perlu dibayar tetapi masih tidak dibayar, Bank akan mendahulukan pembayaran di bawah Pendahuluan Bil Masuk ("IBA") atau kemudahan pembiayaan perdagangan lain yang berkaitan dan tersedia dengan Bank untuk memenuhi aku janji pembayaran di bawah LC, tertakluk kepada Faedah Mungkir mengikut LO hingga tarikh pembayaran penuh.
- Sekiranya IBA masih tertunggak selepas 3 bulan, status kemudahan-kemudahan kredit anda di Bank akan dikategorikan sebagai pinjaman tak berbayar.
- Bank akan menggantung penggunaan apa-apa kemudahan kredit yang diberikan kepada anda.
- Bank boleh menggunakan haknya dan memulakan proses pemungutan/tindakan undang-undang yang merangkumi, tetapi tidak terhad kepada, prosiding kemuflihan/penggulungan (jika jumlah tertunggak mencapai had tertentu). Aset anda mungkin dibekukan dan disita sekiranya diisytiharkan muflihs/dikenakan penggulungan.
- Tindakan undang-undang ke atas anda juga mungkin menjejaskan taraf kredit anda yang menyebabkan pinjaman kredit anda lebih sukar atau mahal.
- Hak tolak selesai: Bank berhak untuk menggunakan mana-mana baki kredit dalam akaun anda di Bank untuk melunaskan jumlah tunggakan mana-mana kemudahan di Bank. Walau bagaimanapun, jumlah tolak selesai akan diberitahu kepada anda sebelum dilaksanakan.

6. Bagaimana sekiranya saya melangsaikan pembiayaan sebelum tempoh matang?

- Tidak berkenaan.

7. Adakah saya memerlukan perlindungan insurans?

- Ya, sekiranya perlindungan insurans tersebut merupakan kewajipan anda menurut syarat yang dipersetujui antara anda dengan Penjual anda.

8. Apakah risiko utama?

- LC tidak boleh dibatalkan selepas dikeluarkan dan apa-apa permintaan untuk meminda butiran LC (cth.: meminda nilai LC, tarikh luput dll.) selepas itu memerlukan kebenaran daripada Benefisiari.
- Barangan mungkin tiba di pelabuhan lebih awal daripada dokumen dan mungkin menyebabkan kelewatan dalam pelepasan barangan, caj demuraj dan/atau kerosakan pada barangan mudah rosak. Walau bagaimanapun, perkara ini boleh diatasi dengan meminta Jaminan Perkapalan ("SG") daripada Bank untuk melepaskan barangan sebelum pengemukaan dokumen asal.
- Barangan yang dihantar mungkin tidak mempunyai kualiti yang memuaskan dan Bank tidak berkewajipan untuk mengesahkan kerana Bank hanya mengendalikannya sahaja.
- Naik turun dalam kadar pertukaran asing sekiranya LC telah dikeluarkan dalam FCY.

9. Adakah saya memerlukan penjamin atau cagaran?

- Penjamin harus disediakan sekiranya perlu.
- Cagaran harus disediakan sekiranya perlu dan mesti dapat diterima oleh Bank.

Nota: Syarat di atas adalah bergantung pada kebolehpercayaan kredit anda.

10. Apakah yang perlu saya lakukan sekiranya terdapat perubahan pada maklumat untuk menghubungi saya?

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada Bank tentang sebarang perubahan maklumat hubungan anda bagi memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya. Untuk bantuan, anda boleh menghubungi/memberi makluman secara bertulis kepada Pengurus Perhubungan masing-masing.

11. Di manakah tempat untuk mendapatkan bantuan dan pembelaan?

- Jika anda bercadang untuk membuat aduan mengenai produk atau perkhidmatan yang disediakan oleh kami, anda boleh menghubungi kami melalui:

AmBank Contact Centre
No. Kotak Pejabat Pos 12617, 50784 Kuala Lumpur,
Tel.: (603) 2178 8888
E-mel: customercare@ambankgroup.com

- Sekiranya anda tidak berpuas hati terhadap penyelesaian ke atas pertanyaan atau aduan anda, anda boleh menghubungi Bank Negara Malaysia LINK melalui:

Blok D, Bank Negara Malaysia,
Jalan Dato' Onn,
50450 Kuala Lumpur.
Tel.: 1-300-88-5465
Faks.: 03-2174 1515
Laman web: bnmlink.bnm.gov.my

- Sebagai alternatif, anda boleh mendapatkan perkhidmatan Agensi Kaunseling dan Pengurusan Kredit (AKPK), sebuah agensi yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia bagi menyediakan perkhidmatan pengurusan wang,

kaunseling kredit, pendidikan kewangan dan penstrukturan semula pembiayaan secara percuma kepada individu. Anda boleh menghubungi AKPK melalui:

Level 5 & 6,
Menara Aras Raya
(Formerly known as Menara Bumiputra Commerce)
Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur
Tel.: 03-2616 7766
E-mel: enquiry@akpk.org.my

12. Di manakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?

Untuk butiran tentang manfaat, yuran dan caj, anda boleh melayari www.ambankgroup.com.

13. Lain-lain produk perdagangan yang tersedia: -

- Jaminan Bank
- Jaminan Bank Menerusi Kaunter
- Penerimaan Jurubank
- Pembelian Bil Keluar Lansung
- Kutipan/Pembelian/Rundingan Berdokumen
- Pembiayaan Semula Kredit Eksport
- Pembiayaan Invois
- Pinjaman Perdagangan Mata Wang Asing
- Pendahuluan Kredit Pembungkusan
- Resit Amanah Ringgit
- Jaminan Perkapalan
- Surat Kredit Tunggu Sedia

PENTING! CAGARAN ANDA MUNGKIN DICAIRKAN SEKIRANYA JADUAL PEMBAYARAN TIDAK DIPATUHI

Maklumat yang disediakan dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah dari 30 November 2023 sehingga kemas kini yang seterusnya. Sila layari www.ambankgroup.com untuk mendapatkan maklumat terkini.

Semua kiraan dan kadar di atas adalah untuk tujuan ilustrasi sahaja. Tertakluk pada terma dan syarat.

Penafian: Kemudahan sebenar yang akan disediakan oleh Bank adalah bergantung pada penilaian kredit anda yang dilakukan oleh Bank. Penghantaran helaian pendedahan produk ini kepada anda tidak mewujudkan apa-apa kewajipan oleh Bank untuk memberi anda apa-apa kemudahan.

Saya/ Kami mengakui bahawa terma kontrak utama dan kewajipan kewangan saya/kami di bawah produk kewangan ini telah dijelaskan dengan secukupnya kepada saya/kami oleh wakil sah daripada AmBank (M) Berhad.

.....

Nama:
Nombor KP:
Tarikh:

Atau

Untuk dan bagi pihak
No. Pendaftaran:

.....

(Penandatanganan dibenarkan/Pengarah)
Tarikh: